

Melayu telah mengakui yang diri mereka bukan lagi sebagai satu kebangsaan tetapi telah mengakui yang mereka sebagai suatu kaum yang termasuk di dalam bangsa Malayan. Dengan corak Malayan yang dikehendaki atau yang ditetapkan itu nanti sebagai riak-riaknya yang masih samar-samar maka di dalam kemerdekaan yang dikehendaki itu orang-orang Melayu akan menghadapi beberapa perkara yang mereka tidak mempunyai kemampuan mengisi kemerdekaan itu di dalam persaingannya dengan orang-orang yang berasal daripada bangsa lain.

Jawatan-jawatan tadbir kelak akan banyak terletak di dalam tangan mereka. Lihat sahaja di dalam seratus penuntut-penuntut di Universiti Malaya hanya 10 orang-orang kita. Di dalam ekonomi tidak payah disebut lagi – padahal inilah dia isi-isi yang mustahak ada di dalam sebuah negara yang merdeka.

Kita bentangkan perkara-perkara yang tersebut ini adalah untuk perhatian supaya dalam masa kita bersukacita menyebut berita-berita merdeka itu maka dalam masa itu pula kita mesti fikirkan adakah kemerdekaan itu untuk kita atau merugikan kita. Menyambut dengan gembira satu-satu berita merdeka itu ialah seperkara yang mudah tetapi memikirkan dan mengisi kemerdekaan yang didapat itu bukanlah ia satu perkara yang mudah dan senang. Pengorbanan, susah payah dan penderitaan mesti ada tetapi di sebalik itu janganlah pula dijadikan sesuatu sebab nanti untuk jadi alasan semata-mata tatkala rakyat menderita. Bersiap sedia lah bagi orang-orang yang bersefahaman di atas kemerdekaan secara itu untuk menghadapi masa yang akan datang. Tentukanlah apakah corak bangsanya kelak sebelum menjadi tempelak umum bangsa Melayu yang berdiri di belakang kita. Dengan hasrat yang demikian inilah sahaja kita menghadapi tarikh 31 Ogos 1957 nanti yang patut diperhatikan lain daripada beberapa masalah yang bakal timbul kelak!

KERJASAMA AGAMA

Terbit daripada kesudahan pilihanraya di Indonesia yang memberi keputusan bahawa kemenangan parti-parti Islam tidak sebagaimana yang diharap maka orang-orang di pedalaman (orang-orang yang mengadakan perlawanan terhadap kerajaan sementara Indonesia sekarang) memandang bahawa yang demikian terjadi tidak lain kerana kerajaan Indonesia membiarkan Komunis berleluasa membuat dakwah di seluruh Indonesia (terutamanya di Jawa Tengah, yang di dalamnya banyak buta huruf). Perbuatan ini dengan sendirinya telah meletakkan Komunis menjadi kuasa yang keempat di Indonesia.

Dengan tidak ada niat menyertai langkah-langkah orang-orang Islam yang melawan dengan bersenjata di Indonesia yang bercita-cita hendak menegakkan negara Islam di sana seperti yang dijalankan oleh Kartosoewirjo di Jawa Barat, Daud Beureu'eh, Kahar Muzakkar di Sulawesi dan Ibn Hajar di Kalimantan, kita berpendapat bahawa “kekalahan” umat Islam Indonesia dalam pemilihan umum – dan langkah-langkah tergamaknya Nahdlatul Ulama bekerjasama dengan Komunis kerana merebut kedudukan itu adalah menjadi apa yang dikehendaki oleh mereka, yang dengannya mereka harus, jika Islam menang, akan memberhentikan perlawanan bersenjata mereka untuk menegakkan sebuah negara Islam di Indonesia. Mereka mengerti di dalam keadaan sekarang, sebuah kerajaan Islam yang diperjuangkan di dalam perlembagaan tidak akan berhasil sebelum suatu langkah yang tegas untuk menghapuskan Komunis, bukan sahaja di dunia, tetapi di negeri-negeri yang beragama dijalankan bersama-sama dengan berganding tangan yang rapat di antara badan agama-agama itu dengan melupakan perkara-perkara perselisihan mereka yang telah lalu.

Dengan pengertian inilah, sepanjang yang kita ketahui, Hasan Tiro wakil Daud Beureu'eh, wakil dari Kahar Muzakkar dari Sulawesi dan wakil dari Ibn Hajar dari Kalimantan datang menghadiri Kongres Orang-Orang Kristian di Manila pada akhir tahun yang lalu untuk mencari perhubungan-perhubungan yang rapat dengan orang-orang yang di luar Islam mengadakan suatu barisan agama untuk menentang Komunis di Indonesia kerana selain daripada mereka mengetahui bahaya-bahaya Komunis kepada agama-agama itu mereka faham pula bahawa menghadapi Komunis itu bukannya sahaja perlu dengan senjata tetapi juga dakwah-dakwah dan fahaman-fahaman ketuhanan yang mengingatkan pemeluk-pemeluk agama itu kepada pengertian agama masing-masing iaitu sesuatu ikhtiar yang besar untuk membendung orang-orang yang beragama jangan jadi pengikut-pengikut Komunis.

Sesudah adanya kongres di Manila itu maka timbul pula di Vatican suara yang menunjukkan adanya tujuan kerjasama di antara agama-agama untuk menentang Komunis. Suara-suara itu sebenarnya patut disambut di Malaya ini terutamanya di Singapura telahpun ada suatu pertubuhan di antara agama-agama (Inter-Religion Organization). Hanya sanya pekerjaan yang dijalankan oleh mereka cuma untuk bersefahaman – tidak sebagai satu barisan yang bakal menentang musuh-musuh bersama yang ganas dan semakin merebak itu.

Apabila keadaan ini dikaitkan dengan cita-cita Tengku Abdul Rahman sepulangnya dari rombongan merdeka ini yang bercita-cita hendak memberhentikan keganasan Komunis di Malaya maka lapangan agama dalam menghapuskan Komunis itu adalah menjadi suatu lapangan yang lebih besar daripada perjuangan-perjuangan di hutan-hutan itu kerana sebagaimana yang telah cukup diketahui bahawa cara-cara dakwah Komunis

itu tidak segan-segan memasuki di mana-mana lapangan pun, tidak terkecuali agama, asal sahaja faham mereka itu menyerap ke dalam perasaan orang-orang yang kurang pengertian di dalam perkara agama.

Untuk lapangan ini kita menyeru kepada Ketua Menteri meluaskan lapangan-lapangan dakwah agama dan memahamkan kepada ulama-ulama apa ertinya Komunis kerana kita berkeyakinan banyak daripada ulama-ulama Islam itu sendiri tidak tahukan apa daya Komunis – selain daripada menyebutnya sahaja. Yang demikian lebih-lebih lagi kepada orang-orang awam – sudah barang tentu tahukan namanya sahaja sedang apa daya hakikatnya tidak mereka ketahui.

Ulama Indonesia sudah melihat dan cukup mengetahui tentang hal-hal dan gerak langkah Komunis. Mereka faham sepak terajangnya dan kerana itu mereka telah mengadakan fatwa-fatwa memberi ingat kepada umat Islam supaya jangan tercebur kepada fahaman Komunis. Banyak fatwa-fatwa yang dikeluarkan mereka, di Sumatera Barat, di Sumatera Timur, di Jawa Barat dan lain-lainnya. Di antaranya kita telah pernah menyebarkan fatwa-fatwa yang berpandu kepada fahaman al-Qurān dan al-Hadīth dari Masyumi yang tepat dan nyata.

Ulama-ulama di Malaya patut benar dianjurkan oleh Ketua Menteri Persekutuan ke tengah memberi ingat kepada umat tentang bahayanya Komunis itu. Juga mustahak dibentuk di Malaya barisan bersama untuk menghadapi dakwah-dakwah Komunis kerana sekalipun Komunis memberhentikan keganasan namun bahayanya tidak akan hapus selagi dakwah menentangnya tidak diselenggarakan bersama – orang-orang Islam dengan cara pengertiannya mengikut Islam demikian juga agama-agama lain dengan pengertian-pengertian mereka. Serangan Komunis tidak akan

dapat dipertahankan selagi tidak ada kerjasama di antara agama-agama. Ahli-ahli agama wajib sedar bahawa agama akan hapus jika Komunis mengambil kuasa. Cara mereka menghapuskan agama tidaklah caranya seperti dahulu tetapi dengan kaedah membiarkan orang-orang yang tua-tua yang masih yakin kepada agamanya beragama dengan membentuk kanak-kanak dan pemuda-pemuda sebagai orang yang bakal menjadi pengikut-pengikut Komunis yang menafikan adanya Tuhan.

Bagi kita umat Muslimin sebagaimana yang telah difatwakan oleh ulama kita sayogyalah kita berusaha dari sekarang menjauhkan anak-anak kita daripada pengertian yang yang semacam itu dan yang demikian ini adalah suatu tanggungjawab yang besar kepada kita bersama. Hubaya-hubaya! Beringatlah kepada bencana dan putar belit Komunis!

KETUA UMUM MASYUMI

Tuan Mohammad Natsir, ketua umum Masyumi telah mendapat bintang yang berdarjat tinggi: “*Nīshān al-Iftikhār al-Akbar*” dari Raja Tunis, sebagai tanda penghargaan rakyat Tunis kepada beliau dalam membantu perjuangan rakyat Tunis untuk mencapai kemerdekaan.

Sebuah bintang yang seperti itu juga telah diterima oleh Syed Hamid al-Qadri penasihat perwakilan Indonesia di Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah singgah di Tunis baharu-baharu ini.

Sebagaimana diketahui Tuan Mohammad Natsir dan Syed Hamid adalah menjadi anggota pengurus “Badan Pembantu Perjuangan Rakyat Tunis” yang didokong oleh berbagai-bagai parti di Jakarta.



Al-Marhūm Syed Abu Bakar Alsagoff

Pada bulan yang lalu kita telah kehilangan seorang ulama dan ahli pendidik yang terkenal iaitu al- Marhūm Syed Abu Bakar ibn Taha Alsagoff. Beliau meninggal dunia di bandar Seiyun – Hadramaut.

Dalam masa hayatnya, al- Marhūm menjadi mudir “Madrasah Aljunied al-Islāmiyyah” Singapura selama kira-kira suku kurun.

Di antara khidmat-khidmat amnya ialah menjadi Ahli Majlis Islam Penasihat Kerajaan, Anggota Majlis Ulama Singapura, salah seorang penaja Kolej Islam Malaya dan salah seorang pengasas Jam‘iyyah al-Da‘wah al-Islāmīyyah Malaya.

Meskipun al- Marhūm telah berpulang ke Rahmatullah tetapi usahanya dan ilmunya tetap hidup, hidup dilanjutkan oleh beratus-ratus murid-muridnya yang sedang berkhidmat dengan cergas dalam berbagai-bagai lapangan masyarakat, terutama dalam dunia pendidikan dan penyebaran Islam.

Na‘maduhu Allah bi rahmatihi wa askanuhu fasiḥa al-janān.